

06 MAY 2002

DR MAHATHIR RAIKAN ANGGOTA PERWAKILAN PBEC PADA JAMUAN MALAM

PUTRAJAYA, 6 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meraikan para peserta Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) pada jamuan malam di Seri Perdana di sini.

Kira-kira 170 anggota perwakilan, termasuk naib pengerusi Persidangan Perundingan Politik China Chen Jinhua, 15 menteri perdagangan dan ekonomi serta para pemimpin perniagaan menghadiri jamuan malam itu.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan pengerusi PBEC Malaysia Tan Sri Azman Hashim.

Para peserta itu menghadiri mesyuarat selama tiga hari yang bermula di sini semalam.

PBEC IGM merupakan sebuah forum bagi para eksekutif utama korporat dan pemimpin utama antarabangsa memperkatakan mengenai isu yang melibatkan ekonomi serantau.

Dasar cadangan IGM digubal dan ditujukan kepada pertubuhan seperti Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Ini merupakan kali kedua sejak 1994 Malaysia menjadi tuan rumah Mesyuarat Agung Antarabangsa PBEC.

-- BERNAMA

HS RV RON